

KERTAS MODEL UPSR SET 3

MARKAH		
Pemahaman	Penulisan	JUMLAH
50	50	100

PEMAHAMAN

Satu jam lima belas minit

Bahagian A [20 markah]

Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Tasya, tolong hantarkan baju yang telah siap ini kepada Mak Cik Lijah. _____ jangan lupa ambil upahnya,” kata ibu kepada kakak.

A Dia C Kamu
B Saya D mereka
- 2 Puan Safira _____ mengusahakan perniagaan kraf tangan hampir sepuluh tahun.


A sudah C pernah
B hendak D sedang
- 3 Dia berjaya kerana dia _____ menghadapi cabaran yang mendatang.

A cekap C tahan
B tabah D tulus
- 4 “Ampun tuanku, apakah hajat _____ meminta _____ datang menghadap?” sembah Laksamana Hang Tuah kepada Sultan Mahmud Shah.

A beta...hamba
B tuanku...hamba
C baginda...patik
D tuanku...patik
- 5 Sultan : Bendahara, perintahkan Hang Tuah menghadap beta malam ini.
Bendahara : _____ tuanku.

A mencemar duli
B merafak sembah
C menjunjung titah
D menerima menghadap

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Rumah usang di hujung kampung itu dipenuhi dengan sarang _____

A lelabah
B reriang
C rerama
D jejentik
- 7 Semua murid perlu mematuhi _____ yang diperuntukkan dalam buku disiplin sekolah.

A tatatertib
B tatasusila
C tatakerja
D tatacara
- 8 Keluarga Quraisya hidup dalam _____ sejak ayahnya diberhentikan kerja.

A kepekaan
B keberatan
C kebuntuan
D kemiskinan

Pilih **simpulan bahasa** yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

- 9 Salina berasa _____ terhadap tingkah laku yang ditunjukkan oleh sahabatnya.
A iri hati C ringan tulang
B jauh hati D berat hati

- 10 Majlis itu diadakan untuk mengenang jasa Cikgu Rohaida yang telah lama berkhidmat di sekolah itu.

Pilih perkataan **sinonim** bagi mengenang

- I memikir
II mengingat
III mengimbas
IV menyanjung
A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV

- 11 Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan **bergaris** dengan betul.

- I Encik Chan tinggal di perkampungan Melayu sejak berusia tiga tahun.
II Mangsa kebakaran itu tinggal sehelai sepinggang sahaja.
III Rumah pusaka di hujung kampung itu tinggal datuk kami.
IV Artifak yang ditemui itu ialah tinggal sejarah.
A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV

Pilih **ayat tanya** yang betul bagi jawapan yang diberikan.

- 12 Amiruddin mengikuti bengkel kecemerlangan UPSR untuk memperoleh keputusan yang cemerlang.
A Berapakah bilangan peserta yang mengikuti bengkel kecemerlangan UPSR?
B Bilakah Amiruddin akan mengikuti bengkel kecemerlangan UPSR?
C Di manakah Amiruddin mengikuti bengkel kecemerlangan UPSR?
D Mengapakah Amiruddin mengikuti bengkel kecemerlangan UPSR?

Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

- 13 Bagaimanakah kereta itu terjunam ke dalam gaung?
A Semalam, kereta itu terjunam ke dalam gaung.
B Kereta itu terjunam ke dalam gaung kerana dipandu dengan laju.
C Kereta itu boleh terjunam ke dalam gaung yang curam.
D Seorang lelaki tua memandu kereta yang terjunam ke dalam gaung itu.

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

- 14 Walaupun sudah mencecah usia seratus tahun, bangunan bersejarah itu masih kuat dan teguh.
A Bangunan bersejarah itu kelihatan kuat walaupun teguh setelah mencecah usia seratus tahun.
B Bangunan itu telah mencecah seratus tahun walaupun kelihatan masih kuat dan teguh usianya.
C Bangunan seratus tahun itu masih kuat mencecah usianya walaupun kelihatan teguh.
D Bangunan itu masih kuat dan teguh walaupun usianya telah mencecah seratus tahun.

Soalan 15

Pilih ayat yang **betul**.

- 15 I Puan Aida senyuman apabila melihat telatah budak kecil itu.
II Kaki Lina terkoyak apabila memakai kasut yang baru itu.
III Alat pembesar suara di surau itu sudah lama rosak.
IV Bas persiaran itu baru sahaja tiba dari Ipoh.
A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I dan IV sahaja
D III dan IV sahaja

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Tarian kuda kepang amat *masyhur* di negeri Johor. Tarian ini dikatakan telah diperkenalkan oleh pendakwah Islam di Tanah Jawa pada masa dahulu. Persembahan kuda kepang akan dimainkan dengan iringan alatan seperti angklung, gong dan gendang.

Kuda kepang biasanya dipersembahkan di tempat terbuka atau di atas pentas yang besar. Sebelum tarian bermula, Tok Bomoh akan membakar kemenyan dan membaca jampi untuk memberikan tenaga kepada kuda-kuda. Beliau menggunakan telur mentah, bunga, rumput, dan air untuk persembahan.

Semasa membuat persembahan, pemain-pemain kuda kepang mesti dipimpin oleh seorang Danyang. Danyang akan bertindak sebagai pengarah yang akan mengarahkan pemain menari mengikut rentak dengan menggunakan tali tas. Semakin rancak rentak muzik, semakin tangkas pergerakan penarinya.

Jika keadaan bertambah liar dan tidak dapat dikawal, Tok Bomoh akan mengarahkan pengawal-pengawal yang ditempatkan di setiap sudut gelanggang untuk menangkap dan merebahkan mereka ke tanah, dan seterusnya Tok Bomoh akan membaca jampi untuk memulihkan mereka.

- 16 Tarian kuda kepang diperkenalkan ke negeri Johor oleh
- A pedagang rempah-ratus.
 - B guru-guru agama dari Jawa.
 - C pendakwah Islam di Tanah Jawa.
 - D Pembuat kuda kepang di pulau Jawa.
- 17 Alat-alat muzik yang mengiringi persembahan dalam petikan di atas ialah
- A gendang, gong dan pecut.
 - B gong, gendang dan cemeti.
 - C angklung, gendang dan gong.
 - D kuda kepang, pecut, gendang, gong dan angklung.
- 18 Danyang memainkan peranan penting dalam persembahan kuda kepang sebagai
- A Penari yang menunggang kuda kepang.
 - B Pemimpin penari supaya mengikut rentak yang betul.
 - C Penari yang mengawal penari-penari yang menunggang kuda kepang.
 - D Bomoh yang akan mengawal penari-penari ketika membuat persembahan.
- 19 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Tarian kuda kepang berasal dari negara Timur Tengah
 - B Penari-penari akan menari mengikut gerak tari Danyang
 - C Penari yang tidak sedar diri akan membuat gerakan yang aneh
 - D Penari-penari hendaklah mabuk sebelum memulakan persembahan
- 20 Perkataan *masyhur* mempunyai maksud yang sama dengan perkataan di bawah **kecuali**
- A terkenal
 - B tersohor
 - C terindah
 - D ternama

BAHAGIAN A TAMAT

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 2I

(a) *Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah salah penggunaannya. Tulis perkataan yang betul dalam ruang yang disediakan.*

(i) Mak Cik Semah menjual nasi lemak di simpang jalan itu di waktu pagi.

(ii) Kemahiran Leman membuat kraf tangan berasaskan rotan diwarisi dari datuknya.

(iii) Aida berazam kerana mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan.

[3 markah]

(b) *Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.*

(i) Nelayan itu membawa _____ jala semasa menangkap ikan di laut.

sekaki	
--------	--

serawan	
---------	--

sebatang	
----------	--

(ii) Puan Salmah meletakkan se _____ kacip dan _____ tepak sirih di atas meja.

sekeping sehelai	
---------------------	--

senaskhah sepucuk	
----------------------	--

bilah buah	
---------------	--

[2 markah]

(c) *Tulis jawapan yang lengkap bagi soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat yang lengkap.*

Puteri Balqis : Bolehkah tuan hamba petikkan beta beberapa kuntum bunga di taman itu?

Dayang : _____

[2 markah]

(d) Lengkapi frasa berikut supaya menjadi peribahasa

(i) Bagai menatang _____

(ii) Seperti pahat _____

[2 markah]

Soalan 22

Tandakan (✓) pada ayat yang betul dan (X) pada ayat yang salah.

(i)	Mengumpul setem adalah kegemaran abang saya.	
(ii)	Ibu membuat kuih-muih untuk demi menyambut hari raya.	
(iii)	Pelancong singgah di Mira Kedai Kek untuk membeli kek lapis.	
(iv)	Sebahagian besar penduduk di kampung nelayan itu mengusahakan makanan berasaskan ikan.	
(v)	Rosnah menonton televisyen sementara menunggu kek yang dikukusnya masak	

[5 markah]

Soalan 23

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

pada	dari	akan	sebahagian
hendak	mana	hingga	pernah

(i) Pak Murad bekerja di ladang kelapa sawitnya dari pagi _____ petang.

(ii) Budak itu menyorokkan buku cerita Amirul di _____?


(iii) Kita _____ lah bijak memilih kawan sekiranya kita ingin berjaya.

(iv) Sikap _____ daripada masyarakat kita yang tidak bertanggungjawab telah menyebabkan berlakunya pencemaran alam di negara ini.

[4 markah]

Soalan 24

Teliti carta di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



(a) Selepas dibasuh, apakah proses yang perlu dilakukan sebelum pisang salai dibungkus ?

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Mengapakan pisang perlu dibasuh sebelum dihiris ?

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah yang perlu dilakukan oleh pengusaha pisang salai untuk memajukan perusahaan mereka?

Tulis jawapan kamu menggunakan ayat yang lengkap.

[3 markah]

Soalan 25

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Resipi Bubur Pulut Hitam

Bahan-bahan:

200 gram pulut hitam
2 cawan santan pekat
3 cawan santan cair
1 senduk gula pasir
gula melaka
3 helai daun pandan
garam (secukup rasa)



Cara-cara Memasak:

- 1 Rendam beras pulut hitam selama 2 jam. Kemudian, basuh dan tuskan beras pulut hitam itu.
- 2 Rebus beras pulut hitam sehingga empuk.
- 3 Masukkan santan cair, gula pasir, gula melaka, dan daun pandan ke dalam periuk pulut hitam. Masak sehingga mendidih di atas api yang perlahan.
- 4 Selepas itu, tambahkan santan dan kacau perlahan-lahan supaya santan tidak berketul-ketul.
- 5 Akhir sekali, masukkan sedikit garam untuk menambahkan kelazatan bubur pulut hitam itu.

(a) Bahan yang tidak menggunakan sukatan tertentu untuk memasak bubur pulut hitam ialah _____

[1 markah]

(b) Jika tiada santan, apakah bahan lain yang sesuai untuk menggantikannya?

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah bahan yang boleh ditambah supaya bubur yang sudah masak itu menjadi lebih sedap ketika dimakan ?

[2 markah]

BAHAGIAN B TAMAT

Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan keadaan di sebuah pasar raya.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.




1

2

3

4

5



Bahagian B
[15 markah]
[Masa dicadangkan : 25 minit]

Gambar di bawah berkaitan dengan pencegahan demam denggi.

Tulis ulasan tentang **langkah-langkah pencegahan** tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.


HAPUSKAN TEMPAT PEMBIAKAN NYAMUK AEDES

- Buang sampah di tempat yang disediakan
- Bubuh abate ke dalam takungan air
- Bersihkan bekas yang menakung air



**Sebelum anda
&
keluarga
diserang
DEMAM DENGGI**

Blank lined paper for writing.



Bahagian C
[25 markah]
[Masa dicadangkan : 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan sahaja**.*

*Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.*

Soalan 1

“Sejak hari itu, aku sering membantu ibu membuat kerja-kerja rumah. Aku tidak akan malas lagi.”

Tulis karangan yang berakhir dengan ayat di atas.

ATAU

Soalan 2

Tulis sebuah karangan tentang tanggungjawab sebagai seorang murid.

[illegible]

A right triangle is shown with a hypotenuse of length 25. The triangle is oriented with its right angle at the top-left vertex. The hypotenuse connects the bottom-left and top-right vertices.